

## TEKS UCAPAN

**TUAN YANG DIPERTUA  
MAJLIS PERBANDARAN SEBERANG PERAI  
SEMPENA  
MAJLIS PENERIMAAN JAWATAN AHLI MAJLIS- AHLI MAJLIS  
MPSP 2013  
3 JANUARI 2013 (KHAMIS), JAM 9:10 PAGI  
DI DEWAN KENANGA, MPSP**

---

Yang Amat Berhormat **Tuan Lim Guan Eng**  
Ketua Menteri Pulau Pinang

Yang Berhormat **Prof Dr Ramasamy a/l Palanisamy**  
Timbalan Ketua Menteri 2

Yang Berhormat **Tuan Chow Kon Yeow**  
Pengerusi MMK Kerajaan Tempatan & Pengurusan Lalulintas.

Yang Berhormat **Dato' Hj Farizan bin Darus**  
Setiausaha Kerajaan Negeri Pulau Pinang

Yang Berhormat **Ahli-ahli EXCO Kerajaan Negeri Pulau Pinang**

Yang DiHormati Tuan-tuan dan Puan-puan  
Yang bakal mengangkat sumpah sebagai Ahli Majlis,  
Majlis Perbandaran Seberang Perai

Yang Berusaha **Tuan Sr Haji Rozali bin Hj Mohamud**  
Setiausaha Majlis Perbandaran Seberang Perai

Ketua-Ketua Jabatan

Para Wakil Media

Para hadirin yang saya hormati sekalian

---

Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh dan Salam Sejahtera

Terlebih dahulu marilah kita merafak kesyukuran kehadrat Allah SWT kerana dengan izin dan hidayahnya dapat kita berkumpul dalam majlis yang bersejarah pada pagi ini.

Mengambil kesempatan pada majlis pada pagi ini, saya ingin mengucapkan ribuan terima kasih kepada Ahli Majlis-Ahli Majlis yang memberikan perkhidmatan yang sepenuhnya kepada MPSP pada tahun 2012. Sementara itu, saya ingin mengucapkan tahniah kepada Ahli Majlis-Ahli Majlis tahun 2013 yang akan dilantik sebentar nanti.

Saya percaya dan yakin gabungan kepakaran, kemahiran dan pengetahuan yang ada pada Ahli Majlis pada sesi ini dapat membantu memacu hala tuju MPSP dalam menghadapi pelbagai cabaran dan persaingan yang dihadapi pada masa ini untuk mempertingkatkan lagi sistem penyampaian perkhidmatan untuk warga Seberang Perai.

Yang Amat Berhormat, Yang Berhomat, Dato'-Dato', Tuan-tuan dan Puan-puan,

Sempena dengan Majlis Penerimaan Jawatan Ahli Majlis pada pagi ini, Fokus MPSP 2013 dan Sistem Pemantauan Pintar (*Smart Monitoring System*) juga akan dilancarkan untuk MPSP menuju ke era *Smart City*.

Pada Tahun 2013, Ahli Majlis dan pihak pengurusan telah berjaya membentuk 7 fokus utama bagi mendokong visi dan misi MPSP yang melibatkan semua kakitangan, yang akan dipandu oleh pihak pengurusan atasan. Sebanyak 7 Fokus telah dikenalpasti yang melibatkan 37 Program dan 87 Aktiviti untuk dilaksanakan dalam Tahun 2013 yang disertai dengan penetapan *Key Performance Indicators* (KPI) sebagai kayu pengukuran prestasi setiap jabatan yang terlibat. Fokus-fokus ini mampu merealisasikan kehendak-kehendak *stakeholders* di Seberang Perai.

7 Fokus MPSP 2013 yang telah dibentuk adalah ;

- 1 Persekutaran Bersih
- 2 Mitigasi Banjir
- 3 Penyertaan dan Kesejahteraan Komuniti
- 4 Pengindahan dan Penghijauan
- 5 Penguatkuasaan Bersepadu
- 6 Pengukuhan Keupayaan Kewangan
- 7 Pembinaan Kapasiti

Fokus MPSP 2013, memerlukan corak pengurusan perkhidmatan awam yang lebih kreatif untuk menambah baik dan memurnikan sistem penyampaian perkhidmatan MPSP ke arah memenuhi aspirasi dan harapan rakyat yang sentiasa meningkat melalui pelan tindakan yang telah dirancang. Dalam usaha untuk menjayakan Fokus MPSP 2013, peranan

MPSP amat penting dalam memberikan maklumbalas yang tepat, cepat dan saksama kepada stakeholders. Melalui Fokus MPSP 2013, ianya memberi ruang untuk menghasilkan *value added outcome* dan impak yang positif untuk mencapai lebih kejayaan.

Hasil daripada Fokus MPSP 2013, Jabatan Landskap MPSP akan ditubuhkan, dimana Unit Landskap yang distruktur semula daripada Jabatan Perkhidmatan Perbandaran. Pewujudan Jabatan Landskap MPSP adalah bagi memantapkan kerja-kerja penyelenggaraan landskap di seluruh kawasan pentadbiran MPSP di Seberang Perai dan Jabatan Perkhidmatan Perbandaran akan lebih fokus kepada kerja-kerja pembersihan.

Pada tahun 2013, MPSP akan mengembangkan lagi fungsi dan peranan Bahagian Pembangunan Korporat ke peringkat antarabangsa dengan mewujudkan Jabatan Korporat dan Perhubungan Antarabangsa (*Department of Corporate and International Relation*) dimana selaras dengan hasrat dan harapan MPSP iaitu membawa MPSP ke peringkat antarabangsa.

Untuk makluman, buat masa kini MPSP sudah menjadi ahli *kepada World e-governments Organization of Cities and Local Government (WeGO)* yang beribu pejabat di Seoul Korea sejak Februari 2012 dan dalam proses

untuk menjadi ahli *Tourism Promotion Organization for Asia Pacific Cities* (*TPO*) dan ahli *City-Net*.

Sebuah unit yang baru iaitu Unit Warisan ditubuhkan di Jabatan Bangunan. Unit ini berfungsi merancang dan mendokumentasikan aset-aset warisan serta mempromosikan pelancongan di dalam kawasan pentadbiran MPSP. Diharapkan dengan penubuhan unit ini, ia dapat membantu MPSP mempromosikan aset warisan dan pelancongan di Seberang Perai.

Disamping penubuhan Unit Warisan, MPSP juga akan memperkuatkan lagi Unit Eko-Komuniti di Jabatan Kemasyarakatan bagi aktiviti-aktiviti kemasyarakatan yang bertujuan untuk mengalakkan pengurangan sampah sebanyak 5% dan mempertingkatkan program kitar semula serta melaksanakan pengasingan sisa di punca. Sasaran kadar kitar semula MPSP adalah melebihi 30% bagi tahun 2013.

Untuk makluman Yang Amat Berhormat, Yang Berhormat, Dato'-Dato', Tuan-tuan dan Puan-puan,

Sistem Pemantauan Pintar atau *Smart Monitoring System* dibangunkan untuk memantau kerja-kerja di lapangan (tapak) yang telah diberi kelulusan mengikut spesifikasi yang ditetapkan serta memantau kerja-

kerja tanpa kelulusan diambil tindakan penguatkuasaan. Sistem ini akan memantau pembangunan kerja tanah dan aduan awam. Sistem ini juga merupakan perkongsian dan pelaporan maklumat oleh orang awam berhubung mutu perkhidmatan Majlis di lapangan.

Melalui sistem ini, kakitangan Majlis akan membuat pemantauan balas dari semasa ke semasa bagi memastikan ketepatan maklumat yang dibekalkan. Tindakan penguatkuatkuasaan samada notis, kompaun, arahan berhenti kerja atau sebagainya akan diambil atas pelanggaran syarat. Manakala pelaporan maklumat orang awam berhubung mutu perkhidmatan majlis adalah melalui MPSP Watch (facebook). Kaedah ini adalah lebih cepat dan mesra pengguna dengan hanya mengambil gambar melalui telefon bimbit dan pengisian maklumat tersebut sudah boleh dilaporkan kepada majlis melalui MPSP Watch yang akan dihubung terus dengan sistem pemantauan pintar ini.

Dengan adanya sistem ini, ia membolehkan pihak Majlis membuat arahan, pemantauan, penguatkuasaan dan kesimpulan yang lebih tepat berdasarkan kepada pelaporan multimedia selaras dengan *Creative Thinking and Innovation Culture* MPSP.

Akhir kata, izinkan saya sekali lagi untuk merakamkan ucapan tahniah kepada semua Ahli Majlis - Ahli Majlis MPSP yang dilantik pada hari ini. Marilah kita sama-sama bekerja dengan lebih keras dan melaksanakan amanah yang dipertanggungjawabkan kepada kita dengan penuh Cekap, Akauntabiliti dan Telus (CAT).

Sekian, Wabillahi taufiq wal hidayah, wassalamu 'alaikum warahmatullahi wabarakatuh.